



# PENCINTA ALAM

NEWSLETTER OF THE MALAYSIAN NATURE SOCIETY

70  
YEARS  
CONSERVING NATURE.  
CELEBRATING LIFE.  
(1940 - 2010)

[www.mns.my](http://www.mns.my)

May 2013



## Ekspedisi ke Taman Negara Sungai Relau, Merapoh, Pahang

[www.flickrriver.com](http://www.flickrriver.com)

Sebagai salah satu usaha untuk mengekalkan dan memastikan fauna yang terdapat di hutan terpelihara dan dapat berkembang biak dengan baik demi kelangsungan spesis untuk generasi akan datang, Persatuan Pencinta Alam Malaysia telah mengadakan lawatan ke Taman Negara Sungai Relau, Merapoh, Pahang. Ekspedisi yang dianggotai oleh 19 orang sukarelawan dari pelbagai bidang kepakaran memilih beberapa kawasan untuk dikunjungi antaranya Sungai Yu, Gua Jinjang Pelamin dan Sekitar Sungai Kelam. Antara objektif utama ekspedisi ini adalah untuk meninjau aktiviti pemburuan haram yang dilakukan di kawasan Taman Negara ini. Kawasan yang menjadi sasaran

utama tinjauan ini adalah sekitar Sungai Yu dan Sungai Nenggeram, Merapoh, yang terkenal sebagai “Koridor Harimau Sungai Yu”. Sebagai kawasan yang menjadi laluan utama haiwan seperti harimau, pencerobohan oleh para pemburu haram tidak dapat dielakkan. Tambahan pula, kawasan ini adalah salah satu tempat bagi mamalia besar yang lain merayau dan mencari makanan seperti beruang, tapir, rusa, gajah dan kijang. Faktor ini meningkatkan lagi risiko berlakunya aktiviti pencerobohan untuk memburu.

### Tinjauan anti-pemburuan

Pemburuan haram banyak memberi kesan negatif kepada jumlah populasi fauna yang terdapat di dalam hutan simpan atau Taman Negara. Tinjauan di sekitar Sungai Yu mendapati banyak perangkap yang dipasang dan ditinggalkan. Perangkap yang dipasang ini adalah dari jenis tali (snare) dan sangkar. Sebanyak 36 perangkap tali dan 5 perangkap sangkar ditemui dalam lingkungan 200 meter persegi. Kesemua perangkap yang dijumpai masih aktif dan boleh memerangkap mamalia kecil seperti ayam hutan atau burung yang hinggap di atas tanah. Berdasarkan keadaan perangkap yang dijumpai, kemungkinan ia telah dipasang sejak sebulan

sebelumnya. Keadaan ini amat membimbangkan sekiranya terdapat haiwan yang terperangkap di dalamnya, maka ia akan terbiar begitu sahaja. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu populasi haiwan, malah boleh menyebabkan pembaziran.

Perkara ini dapat dibuktikan dengan penemuan beberapa bangkai haiwan berhampiran kawasan perangkap. Berdasarkan pemerhatian terhadap tulang yang ditemui, bangkai-bangkai tersebut adalah bangkai babi hutan, harimau bintang dan gajah.

Kegiatan pencerobohan di sekitar sempadan Taman Negara juga tidak kurang aktifnya. Kawasan yang terletak di garisan sempadan Negeri Kelantan ini merupakan laluan utama haiwan-haiwan terpelihara seperti harimau dan tapir. Sepanjang pemerhatian dilakukan di kawasan ini kami dapati terdapat kesan tapak harimau yang dipercayai telah ditinggalkan dua minggu yang lalu. Aktiviti mengesan jejak mamalia ini dijalankan di laluan sepanjang hampir satu kilometer.

Sukarelawan dari Malaysian Conservation Alliance for Tigers atau MYCAT telah membuat pemasangan kamera infra merah di beberapa lokasi yang dikenalpasti sebagai laluan utama haiwan yang sangat dikehendaki oleh pemburu haram ini. Kaedah pengesanan tapak dan pemasangan kamera infra merah dapat membantu menganggar saiz

*Continue on next page...*

... Continued from page 1

populasi haiwan-haiwan yang terdapat di kawasan sempadan Taman Negara. Usaha ini penting bagi memastikan haiwan-haiwan liar amnya terus terpelihara dari kepupusan. Justeru itu, aktiviti tinjauan di kawasan ini dilakukan sekali sebulan oleh pihak MYCAT bagi mengesan kehadiran haiwan liar ini serta pemburu haram.

*Oleh: Siti Zaleha Mat Diah, Salmah Karman dan Ille C. Gebeshuber, Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi*

## LISTEN UP!

Selangor Branch will play host to the 66th Annual General Meeting (AGM) of the Malaysian Nature Society in 2013. The dates selected are 14 - 16 Sept 2013.

The AGM venue and packages are being worked on and will be announced soon. Meanwhile, please block your calendar to avail yourselves for the AGM. Thank you.



Anti-clockwise from top:

- (1) Buffy Fish-owl along Kuala Gula - Taiping road.
- (2) Intense birding at Taiping Lake Gardens.
- (3) Stork-billed Kingfisher at Kuala Gula.
- (4) Birders at Maxwell Hill.
- (5) Lesser Adjutant at Kuala Gula.

# Photo Gallery

**Description:** Birding trip to Maxwell Hill, Taiping Lake Gardens and Kuala Gula (Perak)

**Photo Credits:** Andy Lee and Chin Choong Liung